

21 JAN 1996

DR MAHATHIR LAWAT DUA LAGI PROJEK TARIKAN PELANCONGAN

LANGKAWI, 21 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melawat dua projek tarikan pelancong berhampiran Jeti Kuah di sini - Taman Lagenda dan Dataran Lang.

Dataran Lang yang dibina dengan perbelanjaan RM14 juta termasuk replika seekor helang setinggi kira-kira 20 meter, sudahpun siap sepenuhnya dan dibuka kepada orang ramai.

Taman Lagenda bersebelahannya pula kini pada peringkat akhir pembinaan dan dijangka dibuka kepada awam sedikit masa lagi. Ia antara lain menempatkan pelbagai replika dan ukiran yang menggambarkan sejarah metos pulau peranginan bebas cukai ini.

Antaranya ialah belanga gergasi pecah yang menggambarkan kejadian belanga yang pecah akibat pergaduhan dua buah keluarga, peristiwa hukuman bunuh Mahsuri dan metos Tasik Dayang Bunting.

Perdana Menteri yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menghabiskan kira-kira dua jam melawat taman seluas 20 hektar itu.

Ketika ditemui wartawan, Dr Mahathir berkata beliau amat berpuas hati dengan tahap kemajuan dan hasil projek yang dilawatinya.

Semalam beliau melawat projek tebusguna tanah dan pemanjangan landasan terbang Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, pembinaan jeti kargo di Tanjung Lembung dan beberapa projek lain di Jeti Kuah. -- BERNAMA